

Calon tewas diminta terus beri sokongan

BH 12 FEB 2001

Oleh Lichong Angkui dan Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno yang tewas dalam pemilihan pada mesyuarat peringkat bahagian April depan, supaya menyokong mereka yang mencapai kemenangan.

Menurut Perdana Menteri, peringatan itu adalah antara nasihat yang diberikannya dalam pertemuan tertutup dengan ahli Umno Bahagian Gaya dan Tanjung Aru, di sini petang ini.

Ketika ditemui selepas perjumpaan selama kira-kira dua setengah jam itu, beliau berkata soal pemilihan peringkat bahagian itu tidak dibangkitkan oleh ahli secara langsung.

“Tapi saya cuma menyoal tentang pentingnya apabila ada pertandingan (peringkat bahagian), yang kalah mesti sokong pihak yang menang,” katanya.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam; Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob.

Kira-kira 600 ahli Umno dari kedua-dua bahagian itu hadir pada mesyuarat itu, selain Ketua Umno Bahagian Gaya, Datuk Uzair Yahya dan Ketua Umno Bahagian Tanjung Aru, Datuk Yahya Lampong.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir di terminal dua Lapangan Terbang Antara-

Perdana Menteri mahu calon yang kalah dalam pertandingan peringkat bahagian terus beri kerjasama dan menyokong mereka yang mencapai kemenangan

bangsa Kota Kinabalu disambut oleh Osu serta beberapa menteri Kabinet serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Presiden Umno itu juga berkata, beliau turut mengambil kesempatan pada perjumpaan dengan ahli Umno Bahagian Gaya dan Tanjung Aru itu untuk menjelaskan prinsip perjuangan parti kepada ahli-ahli di negeri ini.

“Memandang bahawa tidak ada yang berpengalaman berkenaan Umno di waktu Umno ditubuhkan, maka saya guna kesempatan ini menjelaskan prinsip perjuangan Umno dan cara kita boleh mencapai kejayaan.

“Saya juga menerangkan berkenaan kenapa kita ada kerjasama dengan parti lain dan seterusnya kita menyokong calon-calon yang dipilih dari parti lain (ketika pilihan raya),” katanya.

Dr Mahathir berkata, secara umum tidak ada masalah besar dibangkitkan ahli parti, selain masalah seperti setinggan dan soal pembangunan.

Ditanya mengenai cada-

ngan pemimpin Badan Bertindak Melayu (BBM) untuk menemuinya, Dr Mahathir berkata, beliau perlu meneliti terlebih dahulu kenapa mereka mahu berjumpanya.

Sambil menegaskan kerajaan tidak ada kaitan dengan pertubuhan berkenaan, beliau berkata penganjurannya meminta kebenaran menganjurkannya dan polis memberi kebenaran bersyarat.

Katanya, beliau setuju supaya polis memberi kebenaran dengan syarat ia diadakan di tempat tertutup.

“Jadi mereka (penganjur) sudah buat dan capai objektif mereka...sekarang adalah masalah mereka sendiri,” katanya.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri jamuan malam dan pertemuan tertutup dengan Badan Hubungan Umno Sabah.

Esok, beliau dijadual merasmikan Pertubuhan Majlis Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara ke-36 dan mengadakan pertemuan tertutup dengan Umno Bahagian Beaufort dan Sipitang, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.